Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Pertumbuhan ekonomi global makin sederhana pada suku ketiga 2018.**
- **Pertumbuhan eksport kebanyakan ekonomi serantau lebih perlahan.**
- **Volatiliti pasaran kewangan masih ketara, manakala ketegangan perdagangan meruncing.**

Pertumbuhan global meningkat pada kadar lebih sederhana

Ekonomi global terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga 2018. Meskipun KDNK Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) meningkat, kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana.

Dalam ekonomi maju, pasaran pekerja terus menyokong penggunaan swasta, berikutan kadar pengangguran yang terus menyusut dalam keadaan peningkatan pertumbuhan upah yang stabil. Perkembangan ini menyumbang kepada peningkatan tekanan inflasi seperti yang dicerminkan oleh kenaikan Indeks Harga Pengguna yang beransur-ansur. Namun, aktiviti pelaburan makin sederhana di kawasan euro manakala di AS, perbelanjaan perniagaan meningkat hasil daripada reformasi cukai pada 2017.

Pertumbuhan di rantau Asia menunjukkan trend yang menurun. RR China mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan, kerana dasar memperketat kredit terhadap pelaburan terus dilaksanakan, terutamanya perbelanjaan kerajaan tempatan untuk infrastruktur. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dalam kalangan ekonomi Asia lain terus berdaya tahan, sebahagiannya dibantu oleh sokongan dasar yang berterusan dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi.

Aktiviti ekonomi global menurun pada S3 2018

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Pihak berkuasa negara

Prestasi eksport lebih rendah pada S3 2018

Rajah 2: Pertumbuhan KDNK (dalam AS Dolar)



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan lebih tinggi

Rajah 3: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport menjadi sederhana

Kebanyakan ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan eksport lebih perlahan pada suku ketiga 2018. Hal ini mencerminkan permintaan daripada ekonomi utama, seperti kawasan euro dan RR China, yang lebih rendah. Yang ketara, permintaan terhadap produk E&E yang sebelum ini dipacu oleh penghantaran dari Korea dan China Taipei, telah menjadi lebih sederhana.

Tanda-tanda menunjukkan bahawa tindakan perdagangan baru-baru ini telah mula menimbulkan kesan. Indeks Pengurus Pembelian (Purchasing Managers Index, PMI) di beberapa ekonomi mencatatkan penurunan dalam tempahan baharu dan subindeks keyakinan. Syarikat-syarikat mendapati bahawa ketegangan perdagangan yang berlarutan akan meningkatkan kos input dan mengganggu operasi rantaian pembekalan mereka. Gangguan perdagangan dijangka memburukkan lagi momentum pertumbuhan yang semakin sederhana, yang kini dialami oleh sebahagian besar ekonomi.

Volatiliti pasaran kewangan semakin ketara

Volatiliti pasaran kewangan muncul semula pada bulan Oktober, berikutan kenaikan kadar hasil Perbendaharaan AS 10 tahun kepada paras tertinggi sejak tahun 2011. Hal ini disebabkan sebahagiannya oleh pelarasan pada jangkaan pasaran terhadap ekonomi AS ke arah yang lebih teguh. Kebanyakan ekonomi pasaran sedang pesat membangun mencatatkan aliran keluar modal yang besar, yang mengakibatkan tekanan terhadap mata wang dan ekuiti pasaran sedang pesat membangun. Khususnya, keadaan kewangan di Turki dan Argentina, merosot secara mendadak dan diburukkan lagi oleh kelemahan ekonomi dalam negeri masing-masing.

Ketegangan perdagangan yang semakin meruncing turut menyumbang kepada volatiliti yang nyata pada suku ketiga tahun 2018. Pada bulan September, AS mengenakan tarif tambahan sebanyak 10% terhadap import dari

RR China yang bernilai USD200 bilion dan mengumumkan bahawa tarif ini akan dinaikkan kepada 25% pada bulan Januari 2019. Langkah ini mencetus tindak balas RR China yang menaikkan tarifnya sebanyak 5-10% terhadap import AS yang bernilai USD60 bilion.

Dalam pasaran komoditi, harga minyak mentah Brent meningkat sedikit kepada purata USD76 setong pada suku ketiga 2018 (S2 2018: USD75). Pada suku itu, janji yang dibuat oleh OPEC untuk meredakan pengurangan pengeluaran minyak telah menyebabkan harga menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku tersebut, harga minyak mentah Brent meningkat dengan ketara, apabila laporan mengenai eksport minyak dari Iran yang menyusut menjelangnya pelaksanaan sekatan perdagangan oleh AS telah mencetuskan kebimbangan tentang keadaan bekalan lebih ketat dalam pasaran minyak global.